

**PENTAKSIRAN AUTENTIK: KEPERLUAN
PENILAIAN DI PERINGKAT PENDIDIKAN
PRASEKOLAH**

MARIANI MD NOR

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya

Abstrak

This article discusses the need of a suitable evaluation system in preschool. The scenario of development of preschool since 1950, the method and evaluation that have been used now, and problems faced by the preschool management will be discussed in this article. Issue on rationale of the need of more meaningful preschool evaluation is depicted in the discussion. In brief, this article highlighted the need to evaluate and measure children's development in an authentic way.

PENGENALAN

Artikel ini akan membincangkan tentang keperluan satu sistem pentaksiran di prasekolah yang mampu serta boleh mengukur keupayaan kanak-kanak dan pelbagai aspek perkembangan mereka seperti perkembangan kognitif, sosial, emosi dan fizikal. Kepelbagaian objektif serta kepelbagaian dalam kaedah penilaian yang mewarnai institusi prasekolah yang wujud dewasa ini boleh meninggalkan impak sama ada menambahbaik atau meninggalkan kesan negatif dalam proses perkembangan kanak-kanak terutama apabila mereka beralih ke pendidikan yang lebih tinggi dan lebih formal. Saranan yang dipaparkan dalam artikel ini adalah berdasarkan senario prasekolah yang wujud dan persekitaran yang sentiasa mengalami perubahan sama ada dari segi infrastruktur, keperluan dan kehendak yang datang dan pelbagai pihak seperti keluarga, perniagaan, dasar polisi dan sebagainya. Adalah diharapkan agar pelajar yang bakal menjadi warga pendidik dan mereka yang berkenaan dalam bidang pendidikan prasekolah

mampu melahirkan insan yang disebut dalam Falsafah Pendidikan Negara, melalui pentaksiran yang lebih bermakna pada peringkat ini,

“SENARIO KEWUJUDAN "DINASTI PRASEKOLAH ALAF BARU

Pendidikan prasekolah adalah pendidikan untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan jasmani dan rohani anak didik di luar lingkungan keluarga sebelum memasuki pendidikan dasar, Pendidikan prasekolah juga bertujuan untuk membantu meletakkan dasar ke arah perkembangan sikap, pengetahuan, ketrampilan, dan daya cipta yang diperlukan oleh anak didik dalam menyesuaikan diri dengan lingkungannya dan untuk pertumbuhan serta perkembangan selanjutnya.

Sejarah pendidikan prasekolah di negara ini telah lama bermula.

Institusi prasekolah ini telah wujud sejak tahun 1950an. Corak pendidikan prasekolah pada masa itu banyak dipengaruhi oleh sistem pendidikan British. Sistem ini seperti umUID sedia maklum bersifat eksklusif dan peluang hanyalah terbuka kepada golongan orang yang berkemampuan sahaja. Berdasarkan sejarah, perkembangan institusi prasekolah antara tahun 1950an hingga 1960an, banyak ditubuhkan oleh badan agama Kristian dan institusi ini merupakan di antara aktiviti pendidikan yang dianjurkan oleh pihak gcreja sahaja. Di samping itu, institusi prasekolah juga banyak dikendalikan oleh syarikat perseorangan dan pihak swasta yang menawarkan pendidikan awal kanak-kanak terutama untuk mereka yang mampu membayar yuran yang dikenakan. Perkembangan ini menyebabkan hanya segelintir sahaja kanak-kanak 4 - 6 tahun yang berpeluang menghadiri kelas prasekolah dan ramai yang berasal dari golongan kurang berada dan di luar bandar tidak mendapat pendidikan awal di tadika.

Atas kesedaran untuk memberi pendidikan prasekolah kepada mereka yang kurang mampu, dalam tahun 1969 Yayasan Asia telah menyurnbangkan peruntukan kewangan kepada pertumbuhan pekerja

Malaysia bagi membiayai penubuhan prasekolah. Perkembangan ini mirip kepada projek "Heads start" yang dijalankan di Amerika Syarikat bagi penduduk yang kurang berkemampuan di negara itu. Kampung Muniandy, Kampung Manggis dan Kampung Sentosa di Selangor telah dipilih menyertai projek ini dan sasarannya pada kanak-kanak dari golongan yang kurang berada daripada keturunan Melayu, Cina dan India. Projek ini dilaksanakan berdasarkan pada satu kajian yang telah dilakukan di Amerika berhubung pendidikan pada peringkat awal ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menghadiri projek ini telah mencapai tahap pelajaran dan mempunyai sikap yang lebih baik untuk jangka masa yang panjang berbanding dengan pelajar yang tidak menghadirinya. Dari kajian keciciran pula yang dibuat dalam tahun 1973 (EE Ah Meng, 1988), dilaporkan terdapat korelasi positif antara kehadiran di tadika dengan pencapaian prestasi kanak-kanak.

Dengan harapan agar kanak-kanak di luar bandar juga mendapat peluang yang sama, iaitu bersedia sebelum memulakan pendidikan formal di sekolah, Kementerian Pertanian, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah mengadakan rancangan program prasekolah di kawasan luar bandar. Penubuhan prasekolah anjuran KEMAS yang diberi nama Tabika, (singkatan kepada Taman Bimbingan Kanak-kanak) bertujuan memberi peluang pendidikan dan sosial kepada kanak-kanak yang kurang bemasib baik, iaitu persekitaran di luar bandar yang kurang merangsangkan pembelajaran.

Selain dari penubuhan sebanyak 7,000 buah tabika KEMAS mengikut perangkaan 1999; terdapat juga agensi kerajaan dan separa kerajaan yang terlibat dalam penubuhan prasekolah masing-masing. Antara agensi tersebut ialah FELDA, RISDA, Kementerian Perpaduan Masyarakat dan Pembangunan Negara termasuklah Jabatan Perpaduan Negara (TADIKA Perpaduan) dan Kementerian Sumber Manusia (Jabatan Buruh). Manakala agensi-agensi bukan kerajaan yang terlibat termasuklah Persatuan Tadika Malaysia (PTM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Parti

Pas (PASTI), pihak swasta dan universiti. Setiap institusi pendidikan prasekolah tersebut mempunyai objektif mereka tersendiri.

Daripada data di atasjuga, dapatlah dikatakan bahawa penubuhan tadika di negara ini adalah sebagai cendawan yang tumbuh selepas hujan. Peningkatan penubuhan tadika ini di tambah lagi dengan perkembangan tadika "Annex" iaitu tadika yang dijalankan di beberapa sekolah rendah untuk memberi kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak miskin dari kawasan bandar dan luar bandar mendapatkan khidmat pendidikan prasekolah untuk anak mereka. Penubuhan sebanyak 1,131 buah tadika Annex mengikut perangkaan, 1999, menawarkan pendidikan prasekolah kepada mereka yang tidak mampu membayar program pendidikan prasekolah swasta yang dianggap mahal (Azizah Lebai Nordin, 1995).

Pengendalian pendidikan prasekolah oleh berbagai-bagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti yang dibincang di atas telah menimbulkan beberapa masalah. Sebagai contohnya, ada prasekolah yang mengikuti model tradisional atau akademik dan ada yang menggunakan Montessori, perkembangan menyeluruh, kurikulum terbuka dan campuran. Bagi prasekolah yang dianjurkan oleh agensi kerajaan penekanan adalah lebih kepada aspek sosialisasi, perpaduan akhlak, di samping aspek perkembangan kognitif. Masalah tersebut berlaku memandangkan institusi tersebut mempunyai matlamat, orientasi, keutamaan dan kemampuan yang tersendiri dan bahasa pengantar yang berbeza.

Menyedari akan keadaan kepelbagaian dalam beberapa aspek dalam pengurusan prasekolah, beberapa langkah kawalan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Antaranya ialah dengan menggubal piagam pendidikan 1994, yang antara lainnya menyebut tentang menyepadukan pendidikan prasekolah anjuran agensi kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, menyelaraskan, serta memastikan kurikulum prasekolah dilaksanakan di semua tadika. Walaupun ini telah hampir mencapai matlamatnya dewasa ini iaitu

penggunaan kurikulum yang standard, terdapat isu lain yang lebih kritikal yang perlu diberi perhatian iaitu sistem penilaian di peringkat prasekolah.

Bahagian yang berikut dalam artikel ini akan membincangkan tentang peranan penilaian atau pentaksiran yang digunakan dalam penyelidikan secara umumnya dan prasekolah secara khususnya serta kepentingan perlunya satu sistem pentaksiran yang sejagat yang boleh digunakan untuk semua peringkat prasekolah di Malaysia.

PERANAN PENTAKSIRAN DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Berdasarkan sejarah penubuhan prasekolah di Malaysia, terdapat kepelbagaian dalam isu matlamat bagi setiap prasekolah. Kepelbagaian ini secara langsung atau tidak langsung mewujudkan pula kepelbagaian dalam aspek pentaksiran kerana pada dasarnya Kementerian Pendidikan Malaysia masih belum mempunyai garis panduan yang lebih terperinci dan sejagat untuk semua yang terlibat dalam pendidikan prasekolah. Merujuk kepada Falsafah Pendidikan Negara pula, setiap individu yang dididik di bawah sistem pendidikan negara diharap mempunyai ciri nilai dan jati diri yang mampu menghasilkan insan mulia serta berupaya mencapai kesejahteraan diri dalam memberi sumbangan terhadap negara. Namun adakah sistem pendidikan yang bertunjangkan kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) mampu mendidik dan melahirkan warganegara seperti yang dihasratkan. Di sinilah peranan pentaksiran yang merupakan alat bagi melaksanakan program pendidikan terutama pada peringkat prasekolah, walaupun pada segelintirnya hal ini hanyalah peringkat awal dunia pendidikan manusia.

Dalam proses pendidikan, pentaksiran merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran dan ianya merupakan salah satu komponen kritikal dalam membuat penilaian berdasarkan maklumat yang diperolehi menerusi pengukuran sama ada yang dibuat

secara kuantitatif atau kualitatif. Proses penilaian ini berlaku secara berterusan dan bukan hanya dilakukan pada akhir sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu. Pentaksiran berterusan mengikut Rohani & Mohd Majid (2003), mampu memberi panduan dan ruang kepada pelajar dan guru untuk memperbaiki kelemahan dan seterusnya meningkatkan prestasi mereka dari semasa ke semasa. Manakala Mazzeo (2001) pula berpendapat pentaksiran berterusan memberi bukti yang lebih komprehensif, sahih, autentik, dipercayai dan adil berbanding dengan pengujian yang lain. Dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, salah satu daripada tujuan utamanya seperti yang telah disebut di dalam artikel ini adalah memberi persediaan sebelum memasuki alam persekolahan yang lebih formal. Perlu difikirkan bersama di sini bahawa persediaan yang dimaksudkan pada peringkat prasekolah agak berbeza dari peringkat pendidikan lain yang lebih tinggi. Persediaan peringkat prasekolah yang dimaksudkan bukan sahaja dari aspek kognitif tetapi juga dari aspek lain seperti aspek sosio-emosi, fizikal, moral, agama dan estetika. Dengan kurikulum yang berbeza di antara satu institusi prasekolah dengan institusi prasekolah yang lain maka akan terhasillah pelbagai persediaan yang mungkin merangkumi perkembangan yang disebut atau mungkin tidak. Jika hal ini wujud pula apakah bentuk penilaian yang akan dilaksanakan? Adakah mampu pentaksiran yang dilaksanakan itu menilai segala aspek perkembangan yang tersebut, agar "produk" yang dihasilkan berupaya menghadapi dunia pendidikan yang lebih formal? Adakah bentuk pentaksiran mampu memberi penekanan kepada kedua-dua aspek afektif dan kognitif kanak-kanak? Untuk menjawab persoalan itu, kita lihat gambaran sebenar yang berlaku dalam dunia pendidikan prasekolah di Malaysia dewasa ini,

SENARIO PENTAKSIRAN DI SEKOLAH

Mengikut Dodge et. al.(1994), pentaksiran merupakan satu proses pengumpulan maklumat tentang kanak-kanak dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan perkembangan mereka yang dinilai melalui pemerhatian, dokumentasi dan tugas yang dilakukan oleh

kanak-kanak. Menurut beliau lagi penilaian yang berterusan yang berlaku dalam bilik darjah mampu memberikan gambaran yang lebih tepat, bermakna tentang keupayaan dan perkembangan kanak-kanak tersebut. Pada kebanyakan piasekolah dewasa ini, kaedah pengajaran yang diamalkan adalah kaedah tradisional. Bagaimanapun, terdapat juga amalan kaedah lain seperti pengajaran menggunakan Amalan Perkembangan Bersesuaian. Kaedah ini merupakan satu proses yang melibatkan proses pembelajaran kanak-kanak berdasarkan minat, kebolehan dan keupayaan. Oleh disebabkan kepelbagaian yang wujud pada setiap prasekolah yang ada di Malaysia, amat ketara wujud juga kepelbagaian dari aspek penilaian yang diamalkan. Kaedah bagaimana guru prasekolah boleh mengetahui perkembangan atau kemajuan kanak-kanak ialah:

- a) Pemerhatian
- b) Anekdote
- c) Portfolio: pengumpulan maklumat kemajuan kanak-kanak dari hasil kerja kanak-kanak, pemerhatian yang dilakukan sama ada mengikut skala masa atau skala kadar.
- d) Ujian bertulis

Daripada tinjauan yang dibuat oleh penulis semasa proses penyeliaan pelajar (2001 hingga 2003) yang menjalani praktikum di sekitar beberapa buah prasekolah di Lembah Kelang, sebilangan besar prasekolah kaedah ketiga iaitu pemerhatian adalah salah satu elemen agak kurang diamalkan. Berdasarkan kepada kaedah penilaian yang dilaksanakan oleh prasekolah di Malaysia serta ciri penubuhan prasekolah yang wujud, tidak hairan jika keupayaan kanak-kanak yang masuk ke tahap satu alam persekolahan agak berbeza dari pelbagai aspek di antara satu sama lain. Selain itu, pelaksanaan sistem pentaksiran yang sedia ada di prasekolah juga tidak semudah yang dipikatakan kerana dalam melaksanakan proses penilaian yang mereka amalkan terdapat pelbagai kekangan yang harus diharungi.

Antara kekangannya ialah pengendalian pendidikan prasekolah oleh .agensi yang begitu pelbagai dari segi terdapatnya beberapa perbezaan dari aspek matlamat, orientasi, keutamaan dan kemampuan, bahasa pengantar dan saingan tara satu pihak pengusaha dan pengusaha yang lain. Di sinilah persoalan yang kritikal timbul dalam usaha untuk mendapatkan sistem pentaksiran yang lebih sejagat untuk digunakan oleh semua peringkat prasekolah. Berasaskan persoalan ini, isu pemantauan perlu diberi perhatian bagi memastikan individu kanakkanak yang akan mewarisi generasi akan datang dalam pendidikan mereka akan terjamin asuhan, didikan dan pengajaran yang diberikan kepada mereka dan peringkat akar umbi lagi.

Jika dipandang kebelakang isu tentang pentaksiran yang lebih bermakna amat perlu terutama dalam menyediakan landasan yang kukuh kepada kanak-kanak dalam menghadapi dunia di luar, tidak mengira sama ada dalam pendidikan atau dalam bidang yang lain. Dengan arnalan pengajaran dan jenis penilaian yang dilaksanakan di pelbagai jenis prasekolah yang wujud, maka dengan itu perlunya difikirkan satu sistem pentaksiran yang lebih global, sejagat dan dapat menilai atau mengukur keupayaan kanak-kanak dari aspek fizikal, sosio-emosi, kognitif, moral dan agama, estetika dan juga bahasa.

KEPERLUAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN AUTENTIK DI PRASEKOLAH

Mengikut Hills (1993), pentaksiran melibatkan langkah yang pelbagai dalam mengumpul maklumat mengenai perkembangan kanak-kanak dan proses pembelajaran mereka, Dalam masa yang sama pentaksiran juga dikatakan akan dapat mengenalpasti signifikannya matlamat dan objektif pendidikan serta rnenggunakan maklumat yang ada untuk merancang program yang berkaitan dengan pendidikan awal kanakkanak, Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa dalam penulisan mengenai pentaksiran yang bersesuaian dengan kanak-kanak perlu rnelibatkan penilaian yang bermakna terutama dalam aspek pemerhatian dan pengukuran yang dibuat ke atas diri kanak-kanak.

Berdasarkan kepada senario prasekolah di Malaysia dan keperluan sistem penilaian yang lebih bermakna untuk bakal generasi akan datang, maka pentaksiran autentik adalah antara jenis pentaksiran yang difikirkan dapat memenuhi kehendak dan citarasa keperluan pendidikan prasekolah. Pentaksiran autentik adalah proses yang memerlukan kanak-kanak mendemonstrasikan pengetahuan, kemahiran dan strategi dengan memberi maklum balas dan atau hasilan dalam konteks atau realiti yang bermakna (Rudner & Boston, 1994). Dengan kaedah amalan yang digunakan di kebanyakan prasekolah iaitu Amalan Perkembangan Bersesuaian, maka amat wajar pentaksiran autentik digunakan seperti yang disebut oleh Hills (1993):

"In real life, children are most themselves when they are in familiar environments with adults and children whom they know and trust, engaged in tasks that allow them to use the modalities with which they are most comfortable. In such situations they will most likely demonstrate the knowledge, skill/r, and attitudes that truly represent their attainments. When we introduce strange people, unfamiliar surroundings, demands for responses to atypical tasks, and constrictions on their usual behaviors, we will likely elicit behaviors that are neither valid nor reliable samples of the children's development and learning."

(Hills, 1993: HIm. 22)

Ringkasnya pentaksiran autentik merupakan satu sistem penilaian yang sesuai untuk dicadangkan sebagai satu sistem yang bermakna dalam bidang pendidikan prasekolah dengan rasionallain seperti yang berikut:

- a) Perlu ada sistem yang mentaksir secara autentik atau bermakna untuk perkembangan kanak-kanak
- b) Perlu diperkenalkan sistem pentaksiran yang telus untuk ibubapa dan kanak-kanak
- c) Perlu ada program jambatan di prasekolah dengan program di sekolah dan kesinambungan subjek

CIRI-CIRI PENTAKSIRAN AUTENTIK

Pentaksiran autenrik adalah untuk pemahaman yang lebih jelas dalam menganalisis keperluan kaedah penilaian ini dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Antara ciri-cirinya ialah:

- a) Menilai pemahaman melalui penarnpilan tugas yang dilaksanakan
- b) Indikator profisiensi melalui aktiviti melakukannya
- c) Subjek menganalisis, mensintesis dan mengaplikasi
- d) Subjek membina maksud yang tersirat
- e) Berpusatkan kanak-kanak

KAJIAN LAMPAU TENTANG PENTAKSIRAN AUTENTIK DI PRASEKOLAH

Pentaksiran autentik yang disarankan dalam artikel ini mengukur kemajuan kanak-kanak dari pelbagai aspek perkembangan kanakkanak. Pentaksiran begini digunakan dengan meluas di negara lain dalam pendidikan prasekolah. Dalam kajian yang dijalankan oleh Ratcliff dan Nancy (2002), kemahiran literasi kanak-kanak diukur dengan menggunakan pentaksiran autentik dan didapati keberkesanan yang positif dalam mengenalpasti dan melapor proses perkembangan kanak-kanak dalam kemahiran literasi di prasekolah.

Kajian juga menunjukkan bahawa pentaksiran jenis autentik bukan sahaja boleh rninggalkan kesan yang positif terhadap melapor kemajuan kanak-kanak malah dapat memperbaiki penyediaan guru dalam proses pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak untuk kesediaan ke alam persekolahan yang lebih tinggi. Pentaksiran autentik juga disarankan oleh segelintir pakar psikologi sebagai satu sistem penilaian yang berbentuk kontekstual, kolaboratif, dan konsttuktif Ciri-ciri ini yang amat sesuai dengan sistem pendidikan prasekolah di Malaysia dewasa ini.

HALA TUJU PENTAKSIRAN AUTENTIK DI PRASEKOLAH

Perbincangan ringkas di atas diharap dapat membuka laluan untuk hala tuju yang lebih positif terhadap corak penilaian yang perlu dan seharusnya dilakukan oleh pendidikan prasekolah. Pihak yang tertentu seperti Kementerian Pendidikan, Lembaga Peperiksaan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Badan Bukan Kerajaan dan lain-lain yang terlibat dalam pendidikan prasekolah diharap dapat membuahkan sesuatu atau menghasilkan sesuatu berkaitan garis panduan pentaksiran yang lebih sejagat dan man tap. Pentaksiran yang berkesan sangat bergantung kepada bagaimana untuk menganalisis dan mentafsir keputusan yang dihasilkan oleh pelbagai strategi, kaedah dan alat pentaksiran. Dalam proses pelaksanaan sama ada yang telah atau bakal dilakukan, adalah juga diharapkan guru memahami, mahir, berupaya, dan mengamalkan penggunaan pelbagai jenis alat pentaksiran yang sesuai dengan sasaran utama pendidikan di prasekolah. Melalui pentaksiran autentik guru diharap berupaya membuat keputusan serta bersedia untuk melakukan refleksi kritikal terhadap amalan yang digunakan.

Segala usaha untuk mewujudkan sistem pentaksiran autentik yang standard memerlukan keperhatian dan penelitian serta pemantauan berterusan agar proses yang berjalan tiada mengalami kecacatan. Dengan kata lain, dalam pendidikan prasekolah, pentaksiran perlu mengikuti peredaran masa dan sangat mernainkan peranan penting bagi membantu kejayaan dan kecemerlangan sistem pendidikan dari peringkat akar umbi kehidupan manusia.

RUJUKAN

- Dodge, D. T., Jablon, J. R., & Bickart, T. S. (1994). *Constructing curriculum for the primary grades*. Washington, DC: Teaching Strategies.
- Hills, T. W. (1992). Reaching potentials through appropriate assessment, dalam S. Bredekamp & T. Rosegrant (Eds.), *Reaching potentials: Appropriate curriculum and assessment for young children* (Vol 1, pp. 43-63). Washington, DC: National Association for the Education of Young Children
- Hills, T. W. (1993). Assessment in context: Teachers and children at work. *Young Children*, 48(5), 20-28.
- Mazzeo, C. (2001). Frameworks of state: assessment policy in historical perspective. *Teachers College Record*, 103 (3): 367 - 397
- Rohani Ahmad Tarnizi & Mohd. Majid Konting (2003). Konsep penilaian berterusan. Kertas kerja dibentangkan pada Bengkel Pengurusan Peperiksaan Pendidikan Jarak Jauh anjuran Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL) Universiti Putra Malaysia di Dewan Persidangan IDEAL, 15 April 2003.
- Shepard, I. A. (1994). The challenges of assessing young children appropriately. *Phi Delta Kappan*, 76(3), 206-212.
- Xue, Yange; Meisels, Samuel J.; Bickel, Donna DiPrima; Nicholson, Julie; Atkins-Burnett, Sally (2000), An Analysis of Parents' Attitudes towards Authentic Performance Assessment.